

Bil. 3/2008 • Mei-Jun 2008

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

edaran percuma

# MB KELANTAN RASMI CAWANGAN AR-RAHN KE-12 DI KUALA LUMPUR

Pusat Gadaian Islam, Ar-Rahn terus mendapat sambutan masyarakat dan mengembangkan operasinya sehingga ke Lembah Klang apabila berjaya membuka cawangan yang ke-12 di Kuala Lumpur.

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyempurnakan majlis perasmian cawangan Ar-Rahn yang ke-12 tersebut yang terletak di Jalan Raja Laut Kuala Lumpur pada 23 Jun lalu.

Sejak mula merintis dan memperkenalkan Ar-Rahn di Kelantan bermula tahun 1992 di Kota Bharu, kini Ar-Rahn yang dikendalikan oleh Permodalan Kelantan Berhad telah memiliki 14 cawangan termasuk di Kuala Lumpur dan Selangor. Di Kelantan sahaja, Permodalan Kelantan Berhad menguruskan 11 cawangan Ar-Rahn di seluruh negeri.

Dalam ucapan perasmianya, Tuan Guru Menteri Besar turut mengesyorkan agar institusi-institusi Islam di negara ini mengadakan kerjasama dengan Permodalan Kelantan Berhad dalam mengembangkan Ar-Rahn ke seluruh negara, memandangkan Permodalan Kelantan Berhad telah berjaya membuktikan kemampuan dan kecekapannya dalam mengendalikan operasi pajak gadai Islam.

"Perlaksanaan sistem Ar-Rahn sebenarnya bukan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat berhutang. Sebaliknya ia bertujuan untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat melalui penyediaan Skim Mikro Kredit di mana aspek "adil, telus dan mudah" yang merupakan ciri penting dalam sistem muamalat Islam telah dijadikan prinsip utama Ar-Rahn", katanya.

Jelasnya, matlamat dan tujuan sebenar Ar-Rahn ialah untuk mendidik masyarakat berhutang secara berhemah dan terancang iaitu mengikut kemampuan serta mengelakkan masyarakat daripada penindasan riba.

Tambah beliau lagi, sebagai contoh, penggunaan kad kredit yang berasaskan riba dan pinjaman Along, telah menggalakkan masyarakat meminjam tanpa sebarang cagaran dan ia berasaskan kepada matlamat mengaut keuntungan semata-mata sehingga menyebabkan seseorang berdepan dengan risiko bankrap dan sebagainya. Keadaan ini boleh membawa kepada kehidupan masyarakat yang porak peranda, sehingga akhirnya membawa masyarakat kepada gejala sosial dan jenayah.

YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz B Hj Nik Mat  
"Sebagai sistem hidup yang lengkap dan sempurna, Islam tidak pernah menyekat seseorang untuk berbelanja dan berhutang, tetapi mengajar supaya ia dilakukan dengan mengikut keutamaan dan keupayaan. Muamalat Islam bertujuan untuk memastikan unsur-unsur kebijakan, keadilan, ketelusuran dan mendidik masyarakat supaya tidak boros, serta berbelanja dan berhutang dengan penuh berhemah", jelas beliau lagi.

YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar juga turut merakamkan ucapan tahniah dan kesyukuran dengan pembukaan cawangan Ar-Rahn yang telah memainkan peranan yang besar dalam membantu masyarakat dan memelihara kemaslahatan golongan peniaga dan usahawan terutama mereka yang menghadapi masalah aliran tunai jangka pendek.



# SIDANG EDITOR

## PENAUNG

Haji Wan Yahya Wan Salleh

## PENASIHAT

Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

## KETUA EDITOR

En. Ahmad Nazri bin Ismail

## EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

## PENOLONG EDITOR

Tengku Petra Tengku Wook

## PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

## JURUFOTO

Tengku Petra Tengku Wook



## PERCETAKAN

ATH MARKETING SDN. BHD.

219712 K

D13, Jalan Bayam,

15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7440955 Fax: 09-747 2415

email: athmark@streamyx.com



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan Darulnaim

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140/7414069

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)


## Dari Meja Ketua Editor

Alhamdulillah sama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Illahi Rabbi di atas limpahan rahmat yang berterusan dan segala nikmat yang dikurniakan untuk kita kecapi dan kita dapat bersua kembali dalam Berita PKINK Bilangan 3/2008.

Senario ekonomi global yang tidak menentu ekoran dari ketidaktentuan harga minyak di pasaran dunia tidak harus dijadikan alasan untuk kita terus mengorak langkah lebih jauh dalam bidang yang telah kita ceburi. Bagi Kumpulan PKINK, Ar-Rahn salah sebuah unit bisnes dalam syarikat kumpulan PKINK yang mengendalikan sistem pajak gadai secara Islam telah berjaya merentas sempadan untuk keluar dari Kelantan dengan membuka sebuah lagi cawangan baru di ibu kota Kuala Lumpur dan kini sedang merangka untuk mencapai matlamat bagi mengembangkan perniagaan ke seluruh negara.

Dalam konteks kehidupan pula, kita sebagai manusia sememangnya lemah dan tidak dapat menduga apa yang akan terjadi pada masa akan datang. Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa bermuhasabah diri demi untuk kebaikan dan keberkatan. Akur pada kebodohan yang boleh ditegur ajar, tukar gaya hidup dari bersikap boros kepada sikap berjimat cermat, kikiskan sikap bakhil kepada sikap pemurah, kikiskan sikap marah dan pendendam kepada sikap pemaaf, kikiskan sikap prasangka buruk kepada sikap hormat, menghargai serta saling membantu dan mempercayai antara satu sama lain. Selagi kita mahu dan kita berusaha dengan rasa tulus dan penuh kehambaan untuk mendapat keberkatan dan kebaikan tidak mustahil kita akan memperolehinya kerana Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Pemurah. Insya Allah.

\*\* PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH \*\*



## AR-RAHN MAKIN BERKEMBANG, BUKA CAWANGAN PANTAI BARAT SEmenanjung Malaysia

Ar-Rahn atau Pajak Gadai Islam mula diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Permodalan Kelantan Berhad pada tahun 1992. Ar-Rahn yang merupakan Unit Bisnes Permodalan Kelantan Berhad (PKB), merupakan sebuah anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Sejak ditubuhkan dan menjalankan operasi, sebanyak RM610 juta pinjaman telah dikeluarkan. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Ar-Rahn untuk tempoh setahun urusniaga ialah berjumlah RM1 billion. Baki pinjaman telah meningkat sebanyak 20 peratus setahun dan sehingga kini baki pinjaman telah mencecah sebanyak RM41.4 juta.

Ar-Rahn Jalan Raja Laut merupakan cawangan pertama dibuka di kawasan Pantai Barat iaitu Kuala Lumpur. Pembukaan cawangan di Jalan Raja Laut ialah berdasarkan permintaan semasa masyarakat terhadap pajak gadai kerana kedudukannya di lokasi yang strategik di tengah pusat perniagaan dan terletak di antara pajak gadai konvensional iaitu di Sentul dan Chow Kit. Cawangan Ar-Rahn Raja Laut merupakan cawangan yang ke-12, yang pertama di buka di luar negeri Kelantan dan memulakan operasinya pada akhir Januari 2008.

Jumlah penggadai/pelanggan yang mendapat manfaat daripada Ar-Rahn sejak tahun 1992 telah meningkat dari 85,000 orang pada tahun 1992 kepada 101,889 orang pada tahun 2005, 107,426 orang pada tahun 2006 dan 114,493 orang pada tahun 2007. Sehingga Mei 2008, jumlah pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan gadaian di Ar-Rahn ialah seramai 46,783 orang.

Pada bulan Mac 2007, Permodalan Kelantan Berhad telah mendapat kelulusan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) untuk memfrancaiskan produk Ar-Rahn. Perjanjian francais pertama telah ditandatangani dengan usahawan bumiputera di bawah bimbingan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO). PKINK dengan kerjasama MECD berusaha mempromosi dan menarik usahawan bumiputera tempatan bagi menjadi francais Ar-Rahn.

Usaha promosi dilakukan secara giat untuk menarik lebih ramai masyarakat Islam di Lembah Klang, khususnya peniaga dan usahawan bumiputera kerana sistem gadaian Islam (Ar-Rahn) masih belum popular di kalangan masyarakat di kawasan ini. Sasaran Ar-Rahn pada tahun pertama 2008 ialah untuk menarik seramai lima ribu orang pelanggan atau penggadai.



(sambungan dari muka 1)

Sementara itu, Ketua Eksekutif PKINK, Wan Yahya Wan Salleh dalam ucapan aluannya berkata, sejak penubuhan Ar-Rahn, sebanyak RM610 juta pinjaman telah dikeluarkan. Baki pinjaman telah meningkat sebanyak 20 peratus setahun dan sehingga kini baki pinjaman telah mencecah sebanyak RM41.4 juta.

"Jumlah penggadai atau pelanggan yang mendapat manfaat telah meningkat dari 85,000 orang pada tahun 1992 kepada 101,889 orang pada tahun 2005, 107,426 orang pada tahun 2006 dan 114,493 orang pada tahun 2007. Sehingga Mei 2008 tahun ini, jumlah penggadai yang mendapatkan perkhidmatan gadaian di Ar-Rahn ialah seramai 46,738 orang", katanya.

Beliau berkata, pada masa hadapan, Ar-Rahn merancang untuk membuka tujuh (7) lagi cawangan merangkumi enam (6) cawangan di Wilayah Utara iaitu di Bandar Kangar (Perlis), Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim (Kedah), Bukit Mertajam (Pulau Pinang) dan Taiping (Perak), serta 1 cawangan di Bandar Klang, Selangor.

"Kita berkeyakinan bahawa pembukaan cawangan-cawangan baru ini akan mendapat sambutan masyarakat pelbagai kaum, bukan sahaja kepada masyarakat beragama Islam tetapi kepada masyarakat bukan Islam", katanya lagi.

Posut Gadaian Islam, Ar-Rahn juga turut bertindak sebagai Posut Edaran Emas Dinar Kelantan. Usaha promosi giat dijalankan bagi memperkenalkan Ar-Rahn dan Emas Dinar di seluruh negara terutama di negeri Pantai barat dan negeri-negeri utara Semenanjung.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, YB Ustaz Nassuruddin Daud, Exco-Exco Kerajaan Negeri Kelantan iaitu YB Dato' Husam Musa, YB Wan Ubaidah Wan Omar, YB Che Abdullah Mat Nawi dan YB Abd Fatah Mahmood, Timbalan Speaker, YB Mohd Zaki Ibrahim, serta Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB Dr. Halimah Ali. Turut hadir ialah Ahli Parlimen Kota Bharu, Dato' Wan Abdul Rahim b. Abdullah dan Ahli Parlimen Rantau Panjang, Siti Zailiah Mohd Yusof.

### KELEBIHAN AR-RAHN

1. Semua urusniaga berdasarkan syariah Islam (tiada unsur riba) yang berteraskan prinsip-prinsip Adil, Telus dan Mudah.
2. Tempoh gadaian lebih lama atau fleksibel berbanding pajak gadai konvensional yang biasanya dihadkan hanya 6 bulan (selepas 6 bulan dikira lupus).
3. Barang gadaian tidak akan lupus selepas enam (6) bulan. Selepas tempoh enam bulan, barang gadaian akan dilelong dan wang daripada lelongan akan dikembalikan kepada penggadai setelah ditolak baki, berbanding pajak gadai konvensional yang biasanya barang gadaian akan dilelong dan dikira lupus selepas tempoh gadaian.
4. Proses urusniaga lebih mudah dan cepat (menjimatkan masa) serta tiada syarat ketat dikenakan (tidak membebankan pelanggan/penggadai).
5. Kadar upah simpan lebih rendah berbanding pajak gadai konvensional.

# 125 ANGGOTA BARU KUMPULAN PKINK SERTAI KURSUS INDUKSI



Peserta Kursus Induksi

Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PKINK dengan kerjasama PDN Resources telah mengadakan Kursus Induksi selama tiga hari dua malam pada 6 hingga 8 Mei lalu khusus untuk semua anggota baru Kumpulan PKINK. Semua anggota ini adalah mereka yang baru berkhidmat dengan ibu pejabat PKINK dan syarikat-syarikat anak Kumpulan PKINK.

Kursus Induksi ini bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman kepada semua kakitangan baru Kumpulan PKINK mengenai organisasi, peranan dan halatuju PKINK. Antara matlamat yang telah ditetapkan ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam setiap individu anggota kumpulan PKINK mengenai misi, visi dan objektif PKINK serta kumpulannya sebagai sebuah badan korporat, di samping untuk melahirkan anggota yang dapat membentuk jati diri, berdisiplin dan berakhhlak mulia.

Kandungan kursus merangkumi Konsep Pekerjaan Dalam Islam, Konsep Ubudiyah, Mas'uliah dan Itqan dalam Pentadbiran, Membentuk dan Menjana Potensi Diri serta Membentuk Prestasi dan Budaya Kerja Cemerlang.



Timbalan Ketua Eksekutif menutup Kursus Induksi



ASAS LITERASI KOMPUTER DI KALANGAN ANAK ANGGOTA

Program Cuti Sekolah kembali lagi dengan kehadiran anak-anak anggota Kumpulan PKINK untuk mendalami bidang kemahiran penggunaan komputer. Sepanjang tiga hari (3 - 5 Jun 2008) mereka telah didedahkan dengan pengetahuan asas komputer lengkap dengan pengenalan kepada Windows Microsoft Word, Microsoft Excel, Microsoft PowerPoint dan Internet. Sedikit sebanyak pengisian cuti sekolah menjadi lebih bermakna dan setidak-tidaknya ilmu yang diperolehi kelak dapat membantu mereka dalam menyediakan kerja khusus sekolah mereka. Minat mereka terserlah apabila mereka juga meminta untuk ditunjuk ajar asas pengenalan kepada Adobe Photoshop. Syabas anak-anak ku!

## KURSUS ADOBE PHOTOSHOP UNTUK KUMPULAN PKINK

Dalam proses meningkatkan kemahiran di bidang IT, Bahagian MIS PKINK telah menganjurkan satu kursus Adobe Photoshop CS2 pada 20-22 Mei 2008. Kursus tersebut telah dihadiri oleh anggota-anggota dari beberapa syarikat anak PKINK dan sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan. Memandangkan tempat yang terhad, hanya 20 peserta pertama sahaja yang dapat diterima. Program yang serupa akan disusuli untuk sesi seterusnya.

## KEM BINA INSAN KECEMERLANGAN SOLAT SIRI 2 DAN 3 DITERUSKAN

Kem Bina Insan Kecemerlangan Solat Siri 2 dan 3 bagi anggota Kumpulan Sokongan dan Pengurusan PKINK telah diadakan pada 21 hingga 22 Mei dan 25 hingga 26 Jun 2008 yang lalu. Seramai 39 orang anggota telah mengikuti kursus ini yang diadakan di Perdana Resort, PCB.

Kursus ini dijadikan kursus wajib bagi anggota-anggota PKINK di semua peringkat, iaitu Kumpulan Sokongan dan Pengurusan. Ia disusun khas bagi memberi kefahaman yang jelas dan lebih mendalam kepada semua anggota, khususnya dalam mencapai kecemerlangan diri dan pekerjaan melalui kesempurnaan ibadat solat.



Ketua Eksekutif menyampaikan ucapan di hari pertama kursus



Antara peserta kursus



### Kelebihan Salam

oleh Zainul Amin Mohd Zain 18 Mei 2008

Sunat mengulangi salam jika berulang bertemu. Abu Hurairah ra. berkata: Rasulullah SAW bersabda "Jika kamu bertemu, salah seorang kamu ke atas saudaranya hendaklah memberi salam, kemudian jika terpisah antara keduanya oleh pohon atau dinding atau batu, kemudian bertemu kembali hendaklah memberi salam (Abu Dawud).


Sunat memberi salam jika masuk rumah. Anas ra. Berkata: Rasulullah SAW mengajarkan kepada saya. "hai anak, jika kamu ke rumah keluargamu, hendaknya memberi salam, supaya menjadi berkat untuk kamu dan keluargamu. (At-Tirmizi)

Salam diucapkan hanya untuk sesama Muslim. Yang paling utama adalah yang memulakan salam. Mengucapkan salam hukumnya sunat, tetapi membala salam hukumnya wajib.

Aturan salam: Orang yang berkenderaan memberi salam kepada yang berjalan, yang berjalan memberi salam kepada yang duduk, dan rombongan yang sedikit memberi salam kepada yang banyak.

### PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) DI KUANTAN PAHANG

12 Jun 2008- Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) kali ini telah diadakan pada 9 hingga 12 Jun 2008 di Dewan Seminar EDC, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan, Pahang bagi peringkat wilayah timur. Seramai 54 anggota PKINK dari pelbagai gred telah mengikuti peperiksaan PTK tersebut yang terdiri daripada anggota gred N41, N32, N27, N22, N17, W41, W32, J36, J29, J22 dan J17.



## Lawatan YB Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Perdagangan Dan Perpaduan Masyarakat Ke PKINK

YB Dato' Haji Anuar Tan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan telah melakukan lawatan sulungnya ke PKINK pada 29 Mei 2008 yang lalu setelah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKINK yang baru. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) yang bertanggungjawab ke atas PKINK.

Sempena lawatan beliau tersebut, satu taklimat Kumpulan PKINK telah diadakan. Taklimat disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan, Haji Wan Yahya Wan Salleh yang menyentuh mengenai peranan PKINK serta laporan aktiviti dan operasi semasa Kumpulan PKINK secara keseluruhannya.

Majlis taklimat tersebut telah dihadiri oleh semua pegawai kumpulan pengurusan PKINK yang terdiri dari Timbalan-Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-Pengurus Bahagian, Penolong-Penolong Pengurus Bahagian dan semua Pengurus Besar Syarikat Anak Kumpulan PKINK.



## Persaraan **Haji Mohamad Razali B. Deraman**

Haji Mohamad Razali mula berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 1 Disember 1983. Beliau yang sebelumnya merupakan bekas seorang guru telah menjawat jawatan sebagai akauntan di Bahagian Kewangan di PKINK.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah dipinjamkan ke Syarikat Anak Kumpulan PKINK iaitu Kelkon Sdn Bhd pada 1 Mac 1989 selama 2 tahun sehingga 16 November 1991. Beliau dinaikkan pangkat pada 1 Oktober 1998 daripada akauntan gred W3 kepada akauntan gred W2.

Setelah itu beliau telah dipindahkan ke bahagian Audit dan Naziran pada 1 Oktober 1999 sebagai Pengurus Audit dan Naziran. Pada 16 Januari 2001 beliau telah ditempatkan Bahagian Kewangan mulai 16 Julai 2001 sebagai Pengurus Kewangan. Pada 1 November 2002 beliau dilantik sebagai Pengurus Audit dan Naziran sehingga ke akhir tugasannya sebagai penjawat awam di PKINK ini.

Beliau bersara wajib dengan PKINK pada 14 Mei 2008 setelah berkhidmat selama 24 tahun 5 bulan dan 14 hari. Beliau mempunyai 6 orang cahaya mata hasil perkongsian hidup bersama Pn. Maziah Bt Yusoff iaitu 2 orang lelaki dan 4 orang perempuan. Isteri beliau merupakan seorang guru yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Peringat, Kota Bharu Kelantan.





# PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN




Tuan Guru Menteri Besar Kelantan merasmikan Ar-Rahn Cawangan Raja Laut



Doa di baca bagi mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.



Antara jemputan yang hadir



Senaman pagi di kursus Induksi Kumpulan PKINK



Nak bawa kemana ni?




Bersungguh nampak



## KEM BINA INSAN KECEMERLANGAN SOLAT

Alhamdulillah, bertambah ilmu kita semua




Bagus juga senaman cikong ini, sesuai untuk semua peringkat umur



cara ikut iman dengan betul



Perlawan berlanjutan hingga jam 1.00 pagi



mana pemain, rehat ke?



perlawan separuh akhir

# فَرِیداً نَّنْجَا جِوَانْ اقْتَصَادُ نَكْرَى يُكْلِبَنْ LANTAN



Ketibaan YAB Tuan Guru Menteri Besar disambut oleh Ketua Eksekutif PKINK



Ada sesuatu yang diperkatakan Ketua Eksekutif kepada YAB Tuan Guru



Antara jemputan yang hadir



Peserta tekun mendengar syarahan




Nak bawa ke mana air tu?



Taklimat kursus oleh En. Roslan



Betulkan saf itu tersangat penting sebelum memulakan solat



Solat jemaah asas kekuatan ummah



Mengingati mati adalah orang yang paling cerdik



Urusetia Kejohanan



Hadiah disampaikan oleh Setiausaha Kehormat KSK PKINK





Perlawanan diadakan di ruang tempat letak kereta bangunan PKINK

## OHANAN KEROM PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK



# PNB Pengurusan Baru Hotel Perdana



**1 Mei 2008-** Majlis penyerahan hak milik Bangunan Hotel Perdana dan Kompleks Sukan Perdana daripada PKINK kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah diadakan pada 30 April 2008 yang lalu bertempat di Bilik Gerakan PKINK. Penyempurnaan penyerahan hak milik ini dibuat setelah perjanjian jual beli aset tersebut dimeterai antara PKINK dan PNB pada 5 November tahun lalu.


Hotel Perdana merupakan milik penuh PKINK dibuka semenjak tahun 1980 dan merupakan hotel bertaraf antarabangsa yang pertama di negeri Kelantan.

Penjualan Bangunan Hotel Perdana dan Kompleks Sukan Perdana milik penuh PKINK kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah dengan nilai jualan sebanyak RM 26 juta bagi bangunan Hotel Perdana manakala sebanyak RM 8 juta pula adalah bagi Kompleks Sukan Perdana.

Bermula dengan penyerahan hak milik tersebut, operasi hotel telah dihentikan sementara waktu untuk memberi lajuan kepada kerja-kerja menaiktaraf hotel oleh pengurusan baru.

Sementara itu, PKINK telah membelanjakan sejumlah RM 4.13 juta untuk membayar pampasan kepada 165 kakitangan yang terpaksa diberhentikan. Menurut Ketua Eksekutif PKINK, Wan Yahya bin Wan Salleh, kesemua pekerja akan dipertimbangkan untuk ditempatkan kembali setelah kerja pengubahsuaian bagi meningkatkan taraf perkhidmatan hotel tersebut selesai.

# EKSPO PELUANG PERNIAGAAN & USAHASAMA PELABURAN



Peluang perniagaan dan usahasama pelaburan sejajar dengan konteks untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sememangnya sentiasa terbuka luas. Apa yang paling utama adalah minat serta kesungguhan pihak yang terbabit untuk menerokainya secara aktif. Bertujuan untuk merealisasikan peluang sedemikian serta menyediakan landasan yang betul kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab serta usahawan yang berminat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Korporasi (MECD) telah menganjurkan Ekspo Peluang Perniagaan dan Usahawan Pelaburan 2008. Ekspo tersebut telah diadakan di Dewan Tun Hussin Onn 3, Pusat Dagangan Dunia Putra pada 24-25 Mei 2008 disertai oleh kesemua agensi pelaksana di bawah MECD. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan untuk menyertainya. Dalam ekspo dua hari tersebut, PKINK telah mempromosikan Kawasan Perindustrian Marin di Tok Bali dan Projek Pembangunan Hotel di Mukim Perupok, Bachok. Turut serta dalam kontingen PKINK ialah pengusaha kosmetik dan produk kesihatan Kels, manakala pengusaha yang tidak berkesempatan untuk turut serta tidak melepaskan peluang untuk memperkenalkan dan mengenangkan produk-produk keluaran mereka melalui 'booth' urusetia PKINK.

Penganjuran ekspo ini sememangnya amat baik untuk dijadikan landasan kepada para pengusaha untuk mencari peluang perniagaan dan usahasama pelaburan. Penganjurannya akan menjadi lebih baik sekiranya ia dirancang lebih awal dan para peserta yang mengambil bahagian akan berpeluang untuk membuat persediaan yang lebih rapi dan tersusun. Walau bagaimanapun hampir keseluruhan peserta yang mengambil bahagian berharap agar program ini diteruskan lagi pada masa yang akan datang dan dilanjutkan program kepada empat atau lima hari. Program ini juga akan menjadi lebih berkesan dengan adanya pernyataan pengusaha-pengusaha dari luar terutamanya dari negara-negara Asean.

# MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE (MIHAS) 2008

11 Mei 2008- Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2008 merupakan program anjuran MITI dengan sokongan Kerajaan Malaysia dan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti MECD, MATRADE dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). MIHAS 2008 merupakan program yang telah memasuki tahun kelima. Untuk tahun ini, MIHAS telah diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE, Kuala Lumpur dari 7 hingga 11 Mei 2008.

MIHAS 2008 meliputi perlaksanaan aktiviti pameran produk, pemasaran, mesin dan teknologi, seminar/klinik dan 'business matching'. Di sepanjang program ini berlangsung, beberapa sesi seminar turut diadakan. Antaranya ialah Seminar Pembangunan Produk Halal, Seminar Penambahbaikan Nilai, serta Seminar Pembungkusan, Pemasaran dan Eksport.

Pengendalian aktiviti-aktiviti tersebut adalah sejajar dengan objektif pengajian MIHAS sebagai program tahunan. Objektif-objektif yang telah dicapai melalui program ini ialah:-

- i) Memberi pendedahan secara dekat mengenai konsep halal daripada barang pengguna kepada instrumen kewangan dan perbankan dunia
- ii) Sebagai landasan bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan halal
- iii) Mempermudahkan pemasaran produk dan perkhidmatan halal kepada usahawan-usahawan tempatan dan antarabangsa.
- iv) Mencipta dan mencari batasan baru dalam domain halal yang memberi faedah kepada penduduk dunia.

Kerajaan Negeri Kelantan telah menyertai MIHAS 2008 melalui Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK. Penyertaan kali ini telah mengenangkan dan memperkenalkan:-


- i) Permodalan Kelantan Berhad dengan produk Sistem Gadaian Islam dan Dinar Ermas.
- ii) Murni Marketing Sdn. Bhd. dengan produk minuman jus roselle berjenama Crystal Roselle.
- iii) Medikel Pharmaceutical Sdn. Bhd. dengan produk kosmetik.
- iv) Success Biotech Ventures Sdn. Bhd. dengan produk VCO.
- v) WFS Food Industries dengan produk serunding.
- vi) Dua Badak Industries (M) Sdn. Bhd. dengan produk kopi.
- vii) Muslim Best Food Industries dengan produk sos dan kerepek.
- viii) Sabit Banani Industries Sdn. Bhd. dengan produk herba.

Majlis Perasmian Mihas 2008 telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Mei 2008.





Prof. Madya Dr. Sharifah Hayati



Mesyuarat telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif PKINK



Ahli Lembaga Pengarah Koperasi PKINK



Ahli-ahli menunggu pulangan dividen dan bonus

## MESYUARAT AGUNG KOPERASI PKINK KE-27

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi PKINK kali ke-27 telah diadakan pada 14 Jun 2008, di Dewan Duyung Perdana Resort, Kota Bharu.

Mesyuarat kali ini berubah angin ke Perdana Resort dan nyatanya ia lebih meriah daripada sebelum ini. Ini dapat dilihat dengan keadaan dewan yang penuh, malahan ada yang memenuhi ruang jualan sepanjang mesyuarat berlangsung. Walaupun mesyuarat selesai agak lewat daripada biasa, kesemua ahli yang hadir dengan setia menanti sehingga kesemua isu dan pembentangan selesai dibuat dan setiap ahli yang hadir diberi eluan kehadiran dan dividen masing-masing.

Dirasmikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Hj Wan Yahya Wan Salleh,

mesyuarat turut dihadiri oleh Hj Wan Muhammad Sabri Wan Harun dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan serta Prof. Madya Dr Sharifah Hayati Syed Ismail. Beliau merupakan penceramah jemputan untuk mengisi Program seminar sempena Mesyuarat Agung Koperasi kali ini.

## KEJOHANAN KEROM TERBUKA PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2008

Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah menganjur Kejohanan Kerom Piala Ketua Eksekutif PKINK pada 20 - 21 Jun 2008. Kejohanan kerom tersebut terbuka kepada semua peminat kerom di Kelantan dalam acara perseorangan dan beregu.

Pertandingan telah berlangsung di tempat letak kereta serta lobi Bangunan PKINK sepanjang 2 hari kejohanan. Pertandingan diakhiri dengan kemenangan acara perseorangan berpihak kepada Mohd Rawi (Pulau Melaka) di tempat pertama, Roslee (Paloh) di tempat kedua dan tempat ketiga kepada Mat Tablir (Pulau Melaka) dan Azri (Paloh). Manakala bagi acara beregu, johan jatuh kepada Zani dan Mazlan (Pulau Melaka), Naib johan kepada Azmi dan Azli (Pulau Melaka), Tempat ketiga kepada Zapawi dan Azani (Paloh) dan tempat keempat kepada Nik Abd Kadir dan Mat Jali (PKINK).

**Hadiyah yang ditawarkan adalah sebagaimana berikut:**

### Perseorangan

- |          |  |
|----------|--|
| Johan    | - Tunai RM350.00 & Hamper                                      |
| N. Johan | - Tunai RM250.00 & Hamper                                      |
| Ketiga   | - Tunai RM150.00 & Hamper                                      |
| Keempat  | - Tunai RM 50.00 & Hamper<br>- 4 hadiah saguhati berupa hamper |

### Beregu

- |          |  |
|----------|--|
| Johan    | - Tunai RM700.00 & hamper                                      |
| N. Johan | - Tunai RM500.00 & Hamper                                      |
| Ketiga   | - Tunai RM300.00 & Hamper                                      |
| Keempat  | - Tunai RM100.00 & Hamper<br>- 4 hadiah saguhati berupa hamper |



Senyuman para pemenang



Penyertaan adalah cukup menggalakkan



## SME CONVENTION & SMIDEX 2008

Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana bukan sahaja memperkuuhkan kedudukan ekonomi pengusaha-pengusahanya bahkan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mana ruang lingkup pasarananya telah mencapai tahap global. Bagi menentukan perusahaan tersebut terus berkembang, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah menganjurkan SME Convention & SMIDEX 2008 pada 4-6 Jun 2008 bertempat di KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur. PKINK selaku agensi bertanggungjawab telah menyelaraskan penyertaan usahawan-usahawan Kelantan dalam ekspos tersebut yang turut disertai oleh usahawan-usahawan luar negara. Pengusaha-pengusaha yang terpilih bagi menyertai ekspos ini ialah:-

- i) Permodalan Kelantan Berhad
  - ii) I Medikel Pharmaceutical Sdn. Bhd.
  - iii) Dua Badak Industries
  - iv) Biomass Trading
  - v) Minyak Mestika
  - vi) Golden Green Marketing
  - vii) Success Biotech Ventures
  - viii) Persatuan Nelayan Kota Bharu
  - ix) Ta' Zu Azha Ab Rahman
- Peserta-peserta yang menyertai ekspos ini amatlah berasasib
- Emas Dinar
  - Kosmetik
  - Kopi
  - Herba
  - Herba
  - Balm Serai Wangi
  - VCO Products
  - Kerepek Bilis
  - Keropok

baik kerana selain dari berpeluang untuk memperkenalkan dan menjual produk-produk yang mereka keluarkan kepada pengunjung, mereka juga telah dipertemukan dengan pengusaha-pengusaha yang sealiran bagi perbincangan dan perkongsian pengalaman serta syarikat-syarikat yang berminat untuk membeli dan memasarkan produk-produk mereka samada di peringkat domestik maupun untuk pasaran luar. Majlis Perasmian Pelancaran SME Convention & SMIDEX 2008 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2008. Program ini akan diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang dengan bilangan penyertaan yang lebih besar lagi

## Siri Tazkirah Pkink.....

### DOA IBU DAN TANGGUNGJAWAB SEORANG ANAK

Oleh Tengku Petra Tengku Wook pada 15 Jun 2008

#### Tazkirah berbentuk Kisah tauladan untuk renungan;

1. Kisah seorang ahli ibadah bernama Zurish yang kuat beribadat tetapi lalai dengan ibu yang memerlukannya. Sikapnya menyebabkan ibunya berkecil hati dan lintasan hati ibu telah mengakibatkannya difitnah dengan keibuan dan doa ibunya jugalah yang telah melepaskannya dari alih itu.
2. 3 perkara yang boleh pahala hanya kerana melihat;
  - a. Kaabah
  - b. Al-Quran
  - c. Wajah Ibu
3. Cara Nabi Ibrahim mengajar Nabi Ismail menangani sikap isteri, ada isteri yang sesuai dan patut dikekalkan dan ada juga sebaliknya.

### RAHMAT DISEBALIK DUGAAN

Oleh Faizol Ab. Aziz pada 22 Jun 2008

#### Rahmat Disebalik Dugaan

1. Ujian pelbagai dan bertingkat-tingkat; ada yang menimpa tubuh, harta benda, anak, jawatan, akidah dan lain-lain.
2. Ujian terberat bagi lelaki adalah apabila diuji dengan wanita

#### Tujuan ujian oleh Allah S.W.T

1. membersihkan orang mukmin yang sejati dan munafik
2. mengangkat darjah serta menghapuskan dosa
3. menguji tingkat kesabaran dan ketakutan
4. membentuk peribadi yang tinggi
5. latihan supaya manusia bertambah kesabaran, kuat cita-cita dan tetap pendirian

### HASIL PENDAPATAN MELALUI USAHA TIPU

Oleh Mohd Rozi Mohd Noor pada 30 Mac 2008

Rasulullah SAW menegaskan:

"Setiap 'Lahm' (mana-mana daging anggota tubuh manusia) yang akan membesar kerana memakan 'al saht' (makanan atau benda-benda haram) maka neraka adalah tempat yang wajar baginya"

Penjawat awam tidak boleh berlaku curang dalam membelanjakan harta kerajaan, atau meraih sebarang komisyen untuk kepentingan diri atau sekelompok kroninya. Rezeki yang diperolehi cara ini adalah haram baik digunakan untuk diri sendiri mahupun ahli keluarga. Kita pasti tidak mahu menyara ahli keluarga hasil dari sumber haram.

Untuk mengelakkan diri dari terjerumus kepada perkara-perkara haram, umat Islam disarankan agar sentiasa berdoa agar dikurniakan rezeki yang halal.

### TIPS PENYELESAIAN KEWANGAN PERIBADI

Oleh Mohd Johan Mohd Nasir pada 27 April 2008

1. Didik diri sendiri tentang kewangan
2. Hidup di bawah kemampuan. 3 perkara yang dimaksudkan dengan slogan tersebut:
  - 1.1. Berbelanja kurang daripada pendapatan setiap bulan
  - 1.2. Beli barang yang kita benar-benar mampu
  - 1.3. Menerima hakikat bahawa ada benda yang tidak mampu kita miliki.
3. Membayar diri sendiri terlebih dahulu dan melbur dengan bijak
4. Belajar untuk mencari sumber alternatif.

### GURAUAN YANG DITEGAH

Oleh Tengku Noor Azian Tengku Ismail 11 Mei 2008

Selain mengumpat, satu daripada bencana yang dilakukan oleh lidah ialah gurauan. Gurauan yang dimaksudkan ialah kelakar atau lawak olok-olok dengan tujuan untuk bersuka-suka. Menurut Iman Al-Ghazali, banyak ketawa itu akan mematikan hati.

Daripada berbicara perkara-perkara yang tidak tahu lebih baik berdiam diri, kerana dalam hadith nabi yang bermaksud;

"Barang siapa yang banyak perkataannya, nescaya banyaklah silapnya. Barangsiapa yang banyak silapnya, nescaya banyaklah dosanya. Dan barangsiapa yang banyak dosanya, nescaya neraka lebih utama baginya" (Riwayat ABU NAIM)

Madah dari Hukama:

Banyak diam tidak semestinya bodoh, banyak cakap tidak semestinya cerdik, kerana kecerdikan itu buah fikiran, orang cerdik yang pendiam lebih baik dari orang bodoh yang banyak cakap . Menasihati orang yang bersalah, tidak salah. Yang salah memikirkan kesalahan orang itu. Kalau orang menghina kita, bukan kita terhina, yang sebenarnya orang itu menghina dirinya sendiri. Manusia tidak akan dapat mengalahkan syaitan kecuali dengan diam. Jalan yang terbaik ialah diam kalau kita tidak dapat bercakap ke arah perkara-perkara yang baik. Bicara yang baik adalah lambang hati yang baik dan bersih yang bergantung kepada kekuatan iman pada diri manusia.


# kafeteria pkink berwajah baru



Mula 4 Mei 2008, kafeteria PINK yang sebelum ini terletak di tingkat 6 bangunan PKINK telah melalui proses perubahan imej apabila ia dipindahkan ke aras 2 dengan pengwujudan kafeteria yang berimej baru seiring dengan langkah pihak pengurusan dalam meningkatkan imej korporat PKINK.

Kafeteria baru ini terletak di sebelah kanan lobi dan pintu masuk utama ke Bangunan PKINK. Kafeteria yang berkonsepkan kafeteria moden ini menyediakan ruang makan yang selesa dan luas, satu sudut ruang tamu, berhawa dingin dan dilengkapi dengan kemudahan 'wifi'. Ianya boleh menampung lebih kurang seratus orang dalam satu-satu masa.

## SEMBUKAAN GALERI PKINK



Bagi menonjolkan imej korporat PKINK, satu galeri khas telah diwujudkan di sepanjang laluan masuk lobi di tingkat 2 bangunan PKINK. Galeri ini menempatkan koleksi cenderahati, pingat dan piala yang diterima oleh PKINK.

Di samping itu, galeri ini juga turut menempatkan satu ruangan khas bagi Produk Usahawan Kelantan yang diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK.

